

# **KONSEP THEO-DEMOCRACY, POPULAR VICE REGENCY DAN FARAGHAT DALAM WACANA ISLAM DAN DEMOKRASI**

Oleh:

Mohd Izani Mohd Zain\*

## **Abstract**

*The discourse of Islam and democracy emerges question whether both of them are compatible or not. The discussion also reflects the number of paramount thoughts like theo-democracy, popular vice regency and faraghat. All these discussions are debating the question of sovereignty, style of government and political freedom between the eyes of Islam and democracy. This article explores the conceptual of the-democracy, popular vice regency and faraghat advocate and support the element of democracy with one condition that the sovereignty of God (Allāh) must be hightlighted at the first place.*

## **PENDAHULUAN**

Wacana tentang hubungan Islam dan demokrasi sering mendapat perhatian yang istimewa. Memandangkan demokrasi adalah produk ciptaan Barat, perbincangan antara Islam dan demokrasi sebenarnya menonjolkan wacana tentang Islam dan Barat secara tidak langsung<sup>1</sup>. Malah, penerimaan umat Islam misalnya terhadap nilai-nilai demokrasi dianggap satu penghargaan dan dukungan Islam terhadap idea-idea Barat.

---

\* Mohd Izani Mohd Zain (M.A) merupakan Ketua Jabatan di Jabatan Pengajian Strategi, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Pengkhususan beliau ialah Islam dan Demokrasi, Pendemokrasian Politik Muslim, Hubungan Antarabangsa dan Pengajian Keselamatan

<sup>1</sup> Anas Urbaningrum (2004), *Islam-Demokrasi: Pemikiran Nurcholish Madjid*. Jakarta: Penerbit Republika, h. 79.

Secara asasnya, dalam membincangkan konsep Islam dan demokrasi, kita tidak boleh terikat dengan definisi yang rigid dan kaku. Sebagai contohnya, Islam tidak boleh dibincangkan dengan demokrasi jika sistem politik ciptaan barat itu disorot dari sudut kebebasan individu dan kedaulatan manusia semata-mata. Begitu juga demokrasi tidak boleh dibincangkan dengan konsep politik Islam jika konsep tersebut dilihat hanya dari sudut kedaulatan Allah semata-mata.<sup>2</sup>

Justeru, perbincangan Islam dan demokrasi harus dimulakan dengan mencari titik temu antara kedua-dua sistem tersebut. Walau bagaimanapun, pencarian titik temu itu bukanlah bermaksud untuk mencapai kesimpulan bahawa Islam dan demokrasi itu adalah sama. Namun apa yang boleh kita katakan ialah Islam dan demokrasi mempunyai beberapa persamaan yang boleh dihubungkaitkan. Antara perkara yang boleh ditawarkan dalam Islam ialah *shūrā* (perundingan), *bay`ah* (janji ketakatan bersama), *ijma'* (persemuafakan), *ijtihād* (penterjemahan) dan *maṣlāḥah* (kepentingan awam) kepelbagaian (*al-ta`addudiyyah*), pertanggungjawaban awam (*al-mas'ūliyyah*), ketelusan (*shafāfiyyah*)<sup>3</sup>. Kesemua prinsip tersebut dapat menunjukkan bahawa Islam tidak kurang dalam landasan-landasan asas yang serasi dengan matlamat demokratik.

## WACANA ISLAM DAN DEMOKRASI

Wacana tentang Islam dan demokrasi telah menemukan pelbagai reaksi dan pandangan. Dalam hal ini, sekurang-kurangnya terdapat dua pandangan yang berbeza iaitu pertama, mereka yang menerima demokrasi dengan alasan Islam turut menyediakan landasan demokratik seperti yang dinyatakan oleh Haddad. Golongan kedua menurut Ahmad Bashir merujuk kepada mereka yang menolak demokrasi dengan alasan sistem politik ciptaan Barat itu bercanggah dengan kedudukan Allah Ta’ala sebagai pembuat hukum atau *musharri’*.<sup>4</sup> Demokrasi dikatakan memberi kuasa sewenang-wenangnya kepada manusia untuk menentukan hukum atau undang-undang. Lebih daripada itu lagi,

<sup>2</sup> Esposito, John L. (1996), *Islam and Democracy*, New York: Oxford University Press, h. 21.

<sup>3</sup> Haddad, Y.Y. (1995), *Islamist and the Challenge of Pluralism*, Washington: Georgetown University.

<sup>4</sup> Sila rujuk Ahmad Bashir Aziz (2005), “Aplikasi Syura dalam Pembuatan Keputusan: Alternatif Kaedah dan Pelaksanaannya dalam Pengurusan Moden” dalam Mohd Izani Mohd Zain ‘Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik’, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 65.

Konsep Theo-democracy, Popular Vice Regency Dan Faraghat Dalam Wacana Islam Dan Demokrasi demokrasi dianggap ‘agama baru’ yang boleh mendatangkan syirik kepada Allah Ta’ala.<sup>5</sup>

Walau bagaimanapun, hasil perbincangan antara Islam dan demokrasi secara ilmiah yang dipelopori oleh sebilangan pemikir Islam, telah memunculkan beberapa konsep yang secara dasarnya melihat hubungan antara kedua-duanya secara lebih positif dan tidak kurang mengambil sikap yang cukup tegas. Konsep-konsep tersebut ialah *theo-democracy* dan *popular vicegerency* yang dibawa oleh Maulana al-Mawdūdī, *faraghat* oleh Rashid Ghannounchi dan ‘Islam sebagai agama semi-demokrasi’ oleh Niaz Faizi Kabuli. Konsep-konsep tersebut dikatakan telah menyumbang kepada kelahiran tesis bahawa Islam telah menggariskan beberapa aturan (*setting*) dalam hubungannya dengan demokrasi. Justeru, artikel ini bakal membincangkan secara terperinci konsep-konsep tersebut dan melihat bagaimana ia menjelaskan hubungan antara Islam dan demokrasi sama ada positif atau sebaliknya.

## **KONSEP THEO-DEMOCRACY DAN POPULAR VICE REGENCY**

Abū al-A`lā al-Mawdūdī (1903-1979) merupakan antara tokoh pemikir Islam yang banyak menyinggung persoalan Islam dan demokrasi secara serius. Beliau yang merupakan pengasas kepada sebuah gerakan Islam terkenal di Pakistan, Jamaat-e-Islami, secara asasnya menerima demokrasi tetapi penerimaan tersebut mesti bersandarkan beberapa syarat yang ketat dan selari dengan kehendak Islam. Dalam perbincangan Islam dan demokrasi, al-Mawdūdī memperkenalkan konsep *theo-democracy* yang bermaksud demokrasi yang berdasarkan syariah.<sup>6</sup> Malah, istilah ‘theo’ yang terangkum dalam istilah *theo-democracy* merujuk kepada syariah. Konsep ini jelas menonjolkan peranan agama dalam memandu demokrasi dan ia berbeza dengan demokrasi ala Barat yang lebih mengutamakan kehendak manusia dan kebebasan individu (*individual freedom*). Al-Mawdūdī percaya bahawa demokrasi hanya boleh diterima jika sistem politik dari Barat itu berlandaskan syariah atau ‘lingkungan’ yang telah ditetapkan oleh Islam.

Konsep *theo-democracy* yang diperkenalkan oleh al-Mawdūdī ini juga mengutamakan prinsip utama yang terkandung dalam asas pemikiran politik

<sup>5</sup> Adnan Ali Ridha Al-Annahwy (1990), *Syura bukan Demokrasi*, Kuala Lumpur: Polygraphics Press Sdn. Bhd., h. 31.

<sup>6</sup> Sila rujuk Israr Ahmad, Constitutional and Legislative Framework of Khalifah, [www.islamabad.net/framework.htm](http://www.islamabad.net/framework.htm), dicapai pada 14 Januari 2007.

Islam iaitu *al-hakīmiyyah*, *al-siyādah* atau kedaulatan Allah (*sovereignty of god*). Dalam hal ini, al-Mawdūdī menjelaskan tidak ada sebarang kompromi dalam soal kedaulatan atau sumber perundangan kerana ia adalah milik eksklusif Allah Ta’ala. Prinsip ini sebenarnya relevan dengan pendirian konsep *theo-democracy* seperti yang ditekankan sebelum ini iaitu meletakkan syariah sebagai panduan.

Selain memberi penekanan terhadap kedaulatan Allah dan demokrasi berasaskan Syariah, al-Mawdūdī juga menolak dakwaan yang menyatakan bahawa soal kepimpinan atau tugas sebagai khalifah mesti dikuasai oleh kumpulan tertentu seperti ahli agama. Menurut beliau, tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi Allah bukanlah milik individu atau kumpulan tertentu, sebaliknya tanggungjawab secara kolektif dan bersama (*collective vice regency of the Muslims*). Al-Mawdūdī percaya bahawa selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w., soal kepimpinan atau lebih tepat lagi tugas khalifah di muka bumi bukan lagi tugas eksklusif individu tertentu, sebaliknya menjadi tanggungjawab bersama manusia sebagai khalifah.<sup>7</sup> Tugas khalifah secara individu hanya berlaku ketika zaman Nabi apabila Allah Ta’ala memberikan tugas tersebut secara khusus kepada mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui firman Allah yang bermaksud:<sup>8</sup>

*Hai Dāwūd, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berikah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah, sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.*

Ayat di atas jelas menunjukkan bagaimana Allah telah melantik secara khusus Nabi Dāwūd a.s. sebagai khalifah di muka bumi. Ia juga menggambarkan bagaimana tugas khalifah pada ketika itu lebih bersifat individu atau *individual vice regency*. Walau bagaimanapun, tanggungjawab dan peranan sebagai khalifah tidak kekal menjadi milik mutlak para nabi kerana selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w., peranan tersebut kini menjadi milik bersama umat Islam atau bersifat *popular vice regency*. Dalam hal ini, Allah telah berfirman yang bermaksud:<sup>9</sup>

*Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu yang mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia*

<sup>7</sup> *Ibid..*

<sup>8</sup> Surah Ṣād 38:26.

<sup>9</sup> Surah al-Nūr 24:55.

*sesungguhnya akan menjadikan mereka (penekanan) berkuasa di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekuatkan sesuatu dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.*

Berdasarkan ayat di atas, perkataan ‘mereka’ digunakan sebagai merujuk kepada tugas menjadi pemimpin atau khalifah di dunia menjadi milik bersama umat Islam dan bukannya hak mana-mana individu tertentu.

Apa yang jelas, tanggungjawab secara bersama dalam memikul tugas sebagai khalifah seperti yang dijelaskan sebelum ini hakikatnya telah menghubungkan konsep *theo-democracy* dengan sistem demokrasi itu sendiri. Dalam sistem demokrasi, kepimpinan adalah milik rakyat dan mereka ditugaskan untuk memilih pemimpin dalam pilihan raya. Ia bermaksud rakyat bersama-sama dalam menentukan kepimpinan dan jawatan bukannya diwarisi atau ditentukan oleh kepimpinan terdahulu. Malah, konsep kepimpinan dalam sistem demokrasi dikaitkan dengan kepimpinan majoriti atau *government by multitude*.

Walau bagaimanapun, konsep kepimpinan demokrasi yang berteraskan *popular sovereignty* tidak dipersetujui oleh al-Mawdūdi kerana menurutnya, hak kepimpinan dalam Islam adalah milik eksklusif umat Islam dan bukannya rakyat secara umum dan tanpa mengira agama dan kepercayaan. Sebaliknya, beliau memperkenalkan konsep *popular vicegerency* yang bermaksud kepimpinan umat Islam secara kolektif. Pun begitu, konsep *popular vicegerency* yang mengutamakan kepimpinan muslim secara kolektif dilihat bertentangan dengan demokrasi kerana sistem politik barat itu membuka ruang kepimpinan kepada semua pihak tanpa mengira agama mahupun kepercayaan dan tidak mengehadkannya kepada golongan Islam sahaja.

Memandangkan konsep *popular vice regency* mengutamakan kepimpinan umat Islam secara kolektif, konsep ini secara tidak langsung menolak idea *teocracy* atau kepimpinan ahli agama yang seringkali dikaitkan dengan gaya pemerintahan Islam. Hal ini sekaligus menafikan kenyataan bahawa hanya ulamak sahaja yang boleh mentadbir negara, sebaliknya tugas tersebut mesti dipertanggungjawabkan ke atas semua umat Islam.

## KONSEP FARAGHAT DAN KEBEBASAN POLITIK

Selain al-Mawdūdī yang memberi fokus kepada konsep *theo-democracy* dan *popular vice regency*, Rashid Ghannouchi turut mengemukakan idea atau konsep tertentu dalam menjelaskan hubungan Islam dan demokrasi. Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady, Ghannouchi dianggap tokoh Islam yang banyak membahaskan tentang keserasian antara Islam dan demokrasi atau *compatibility of democracy with Islam*.<sup>10</sup> Justeru, berbeza dengan al-Mawdūdī, beliau melihat hubungan Islam dan demokrasi secara lebih positif. Dalam menjelaskan hubungan Islam dan demokrasi, beliau menggunakan hujah kebebasan sebagai satu elemen yang menghubungkan antara kedua-duanya. Dalam hal ini, beliau memperkenalkan konsep *faraghat* (ruang) dan ia bertitik tolak daripada tindakan Nabi Muhammad s.a.w. tidak menamakan siapakah pengganti Baginda.<sup>11</sup> Rashid menggunakan alasan tersebut untuk merumuskan bahawa Islam sebenarnya memberi kebebasan kepada umatnya untuk merencana dan menentukan hal-hal politik dan pemerintahan mereka. Peristiwa itu juga menggambarkan bagaimana Baginda telah memberi teladan dengan meninggalkan ‘ruang’ kepada umat Islam untuk menentukan calon pengganti selepas kewafatannya. Ruang yang bererti kebebasan ini dieksplorasikan sepenuhnya oleh Rashid untuk menandakan bahawa Islam sebenarnya menekankan soal kebebasan dalam menentukan pemerintahan sendiri (*self goverment*) yang juga boleh dikaitkan dengan ciri demokrasi itu sendiri.<sup>12</sup>

Konsep *faraghat* yang diperkenalkan oleh Ghannouchi juga bertepatan dengan amalan ijтиhad yang dibenarkan oleh Islam untuk umat Islam mencari jalan penyelesaian atau hukum terhadap sesuatu perkara yang tidak diputuskan secara langsung dalam al-Qur'an maupun al-Sunnah. Malah dalam Islam, perkara yang dikategorikan sebagai *siyāsī* iaitu cara untuk memerintah kerajaan dan menyelesaikan konflik, umat Islam diberikan kebebasan untuk mencari jalan penyelesaiannya dengan syarat ia tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Berbeza dengan perkara yang dikategorikan sebagai *dīnī* iaitu hal yang berkaitan dengan akidah (kepercayaan), ibadah (penyembahan) dan akhlak (tingkah laku), umat Islam mesti menerima apa juar ketetapan yang

<sup>10</sup> Sila rujuk Muhammad Uthman El-Muhammady (2005), “Islam dan Demokrasi” dalam Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 7.

<sup>11</sup> Azzam Tamimi (2001), *Rashid Ghannouchi: A Democrat Within Islamism*, Cary, NC, USA: Oxford University Press.

<sup>12</sup> Sila rujuk Mohd Izani Mohd Zain (2007), *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 24.

Konsep Theo-democracy, Popular Vice Regency Dan Faraghat Dalam Wacana Islam Dan Demokrasi telah diputuskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Mereka tidak diberikan kebebasan untuk menentukan dan mengubah tentang apa yang telah diputuskan berkaitan tentang ketiga-tiga perkara tadi.

Kebebasan yang diberikan kepada umat Islam dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan *siyasi* seperti yang boleh dilihat dalam amalan ijтиhad sebenarnya disokong oleh Niaz Faizi Kabuli menerusi tesisnya iaitu Islam merupakan agama semi-demokrasi.<sup>13</sup> Dalam hal ini, Niaz berpendapat Islam dianggap sebagai agama semi-demokrasi kerana Islam mempunyai elemen autokratik dan demokratik. Elemen autokratik yang dimaksudkan di sini ialah merujuk kepada kewajipan umat Islam untuk mentaati semua perintah yang telah diputuskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam hal ini, al-Qur'an dan al-Sunnah adalah sebagai sumber perundangan yang mutlak dan di sinilah letaknya ciri autokratik pada Islam yang mewajibkan umatnya menuruti segala apa yang diperintahkan.

Selain elemen autokratik, Niaz menegaskan bahawa Islam juga mempunyai elemen demokratik apabila mengiktiraf penganutnya sebagai *legislator* atau pembuat hukum dengan memberikan mereka menentukan hukuman dan jalan penyelesaian terhadap perkara yang tidak diputuskan secara terang oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Kebenaran yang diberikan oleh Islam untuk menentukan keputusan seperti yang boleh dilihat menerusi amalan ijтиhad, ijma' dan qias menjelaskan betapa Islam memberikan kebebasan atau ruang kepada umat Islam. Kebebasan dan ruang inilah menjadi hujah kepada Niaz bahawa Islam adalah agama yang mempunyai elemen demokratik.

Dalam pada itu juga, Ghanounchi melihat konsep *al-hakīmiyyah* yang terkandung dalam prinsip utama politik Islam (dan juga menjadi pilihan al-Mawdūdī dalam konsep *theo-democracy*) lebih kepada satu gerakan pembebasan daripada kepimpinan ulama' yang mengongkong. Menurut beliau, konsep *al-hakīmiyyah* telah membebaskan umat Islam daripada kongkongan mana-mana kepimpinan yang dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan tertentu terutama ahli agama seperti yang ditekankan dalam idea *theocracy*.

## **WACANA THEO-DEMOCRACY, POPULAR VICE REGENCY DAN FARAGHAT DALAM DEMOKRASI**

Konsep-konsep yang dibincangkan sebelum ini iaitu *theo-democracy*, *popular vice regency* dan *faraghat* amat menarik jika dibandingkan dengan

<sup>13</sup> Niaz Faizi Kabuli (1994), *Democracy According to Islam*, New York: Dorrance Publishing Co. Inc., h. 3.

pemikiran demokrasi barat kerana ketiga-tiga konsep itu mewakili pemikiran demokrasi menurut sisi Islam yang agak berbeza. Pemikiran al-Mawdūdī misalnya dalam membincangkan soal kepimpinan dan politik Islam seperti yang terkandung dalam konsep *theo-democracy* dan *popular vice regency* mempunyai banyak perbezaan jika dibandingkan dengan sistem demokrasi itu sendiri. Elemen-elemen demokrasi dalam pemikiran beliau tidak dinafikan wujud apabila menolak monopolii penguasaan kumpulan-kumpulan tertentu dalam kepimpinan (termasuk pemerintahan yang dimonopoli oleh golongan ahli agama yang disebut *theocracy*), tetapi ia bersifat anti-demokrasi kemudiannya apabila al-Mawdūdī menekankan konsep *popular vice regency* dan bukannya *popular sovereignty*.

Konsep *popular vice regency* yang menganggap kepimpinan hanya boleh disandang oleh umat Islam sahaja memang bercanggah dengan amalan demokrasi barat yang memberi peluang kepada sesiapa sahaja tanpa mengira perbezaan agama, kepercayaan dan etnik. Konsep ini juga dikatakan berpuncak daripada tafsiran ayat 110, Surah Āli-Imrān yang bermaksud:<sup>14</sup>

*"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar...".*

Ayat ini seringkali kali digunakan untuk menggambarkan kedudukan umat Islam sebagai golongan yang terbaik dan sekali gus menyatakan bahawa hak kepimpinan patut diserahkan kepada mereka dan tidak kepada golongan lain.

Walau bagaimanapun, konsep *popular vice regency* ini mungkin ada relevannya jika kuasa kepimpinan yang dimaksudkan itu adalah kuasa kepimpinan tertinggi yang menentukan masa depan negara di samping mereka yang bertanggungjawab melaksanakan hukum dan perlombagaan yang telah ditetapkan melalui al-Qur'an dan al-Sunnah. Jika kepimpinan tertinggi negara diserahkan kepada golongan bukan Islam, pastinya konsep *theo-democracy* yang memperjuangkan *al-hakīmiyyah* tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Justeru, dalam hal ini, hak kepimpinan boleh diserahkan golongan bukan Islam tetapi bukanlah melibatkan jawatan-jawatan tertinggi yang melibatkan soal dasar dan penggubalan undang-undang negara.

Berbeza dengan konsep *theo-democracy* dan *popular vice regency*, idea *faraghat* yang dibawa oleh Ghannounchi kelihatan lebih terbuka dan serasi dengan pemikiran demokrasi barat iaitu idea kebebasan yang diberikan kepada manusia untuk menentukan keputusan dalam pemerintahan

<sup>14</sup> Surah Āli Imrān 3:110.

negara. Walau bagaimanapun, konsep *faraghat* yang dimaksudkan oleh Ghannounchi hanyalah sah jika ia melibatkan perkara *siyāsi* iaitu hal ehwal politik dan pentadbiran negara yang tidak dijelaskan secara terperinci dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Perkara-perkara yang terkandung dalam *dīnī* yang berkaitan tentang akidah, kepercayaan dan perundangan memang tidak boleh dipersoalkan apatah lagi kebebasan untuk mengubahnya.

Justeru, konsep *faraghat* yang dimaksudkan di sini tidaklah boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, premis Ghannounchi terhadap isu kebebasan yang diberikan kepada umat Islam dalam menentukan urusan pemerintahan dan politik negara adalah suatu yang besar maknanya malah mempunyai signifikan yang tersendiri kerana ia jelas menggambarkan Islam memiliki elemen-elemen demokratik<sup>15</sup>. Islam bukanlah satu agama yang mengikut pandangan beberapa pihak sebagai agama yang mengongkong, rigid dan tertutup, sebaliknya memberikan kebebasan kepada penganutnya untuk membuat keputusan dalam urusan harian mereka bersesuaian dengan perkembangan dan perubahan semasa.

## KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep-konsep yang dibincangkan iaitu *theo-democracy*, *popular vice regency* dan *faraghat* mempunyai signifikan yang tersendiri dalam perbincangan atau wacana antara Islam dan demokrasi. Konsep-konsep tersebut secara jelas telah memberi sumbangan atau input dalam menghubungkan antara Islam dan demokrasi meskipun tidak dinafikan konsep-konsep itu mengambil langkah berhati-hati dalam menjelaskan idea-ideanya supaya tidak terikut dengan pemikiran demokrasi Barat yang agak bebas.

Apa yang jelas, ketiga-tiga konsep tersebut menerima elemen demokrasi seperti kepimpinan secara kolektif dan kebebasan tetapi dalam keadaan terbatas atau bersyarat iaitu mesti berlandaskan hukum syarak dan meletakkan kedaulatan Allah (*sovereignty of God*) mengatasi segala-galanya.

---

<sup>15</sup> Esposito, John I., Voll, John O. (2001) *Makers of Contemporary Islam*. New York: Oxford University Press, h. 114